

**PENGARUH CUACA DAN IKLIM TERHADAP HUKUM: KAJIAN DALAM
FIQH IBADAH**
***THE EFFECT OF WEATHER AND CLIMATE TTO ISLAMIC LAW: A STUDY
ON Fiqh IBADAH***

Abdul Hakim Bin Baharudin*

Pensyarah, Fakulti Syariah & Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,
abdulhakim@kuis.edu.my

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021 | Selepas Pembetulan: 07 November 2021 | Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Kehidupan manusia di atas muka bumi ini sebahagian besarnya dipengaruhi oleh cuaca dan iklim. Ini kerana cuaca dan iklim mempunyai kesan terhadap sumber makanan, kegiatan seharian, gaya hidup dan kesihatan manusia. Pada masa yang sama, orang Islam sentiasa dibebani dengan perintah syarak dalam kehidupan mereka khususnya ibadah yang telah ditentukan dan nilai hukum pada setiap satu aktiviti harian. Kajian ini bertujuan membuktikan pengaruh cuaca dan iklim terhadap hukum syarak khususnya ibadah dalam kehidupan seorang Muslim. Untuk mengenalpasti kewujudan pengaruh tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data dan maklumat diperolehi daripada dokumen yang mengandungi perbincangan konsep iklim dan cuaca serta pengaruhnya dalam kehidupan manusia. Dokumen berkaitan perbincangan hukum oleh para ulama khususnya pelaksanaan ibadah dan beberapa asas penting dalam ilmu usul al-fiqh juga menjadi rujukan penting dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kehidupan manusia sangat terkesan dengan keadaan cuaca dan iklim. Cuaca dan iklim juga mempunyai pengaruh dan kesan terhadap hukum dan pelaksanaan ibadah mereka sehinggakan para ulama meraikan keadaan cuaca dan iklim dalam membincangkan soal hukum.

Kata kunci

Cuaca, Iklim, Hukum Waq'iy, Fiqh Ibadah

Abstract

Human life in this world is mostly effected by weather and climate, since they give direct impact to their food sources, daily activities, lifestyle, and health. At the same time, Muslim is subjected to the obligations from the Lawgiver, who should perform ibadah in their daily life and every deed is subjected to evaluation according to shariah. The purpose of this study is to prove the effect of weather and climate on Islamic Law particularly the worship in Muslim life. To identify the existence of this influence, a qualitative methodology with case study design was used. Data and information were collected from documents that contain the discussion of weather and climate concept and their impact to human life. The documents that contain the discussion of Islamic Law by Muslim scholars and principles in Islamic Jurisprudence are also became important references in this study. The research finding showed that human life is really effected by weather and climate.

Weather and climate do affect the rules of worship and its implementation, so that the scholars concern about them in Islamic Law discussion.

Keywords

Weather, Climate, Hukm Waḍ'iy, Fiqh Ibadah

1. Pendahuluan

Kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada alam ini kerana manusia adalah sebahagian daripada hidupan yang mendapat manfaat daripadanya. Sejak awal ketamadunan manusia lagi, hidup manusia banyak dipengaruhi oleh alam sekitar bahkan mereka belajar daripada alam semula jadi dan perubahannya untuk meneruskan kehidupan. Perkara ini dimaklumi dalam sejarah ketamadunan manusia seperti pada zaman prasejarah. mereka tinggal di dalam gua dan kawasan yang selamat dari kesan cuaca dan iklim. Penemuan hasil tinggalan manusia di zaman itu dan kajian berterusan membuktikan perkara tersebut seperti apa yang ditemui di beberapa gua di utara Semenanjung Malaysia (Berita Harian, 2020). Catatan sejarah juga menunjukkan bahawa masyarakat pada awal ketamadunan Mesir hidup bergantung kepada kesuburan lembah Sungai Nil untuk bercucuk tanam. Fenomena banjir dari limpahan Sungai Nil yang mengakibatkan kawasan pertanian disekitarnya ditenggelami air setiap tahun menyebabkan para petani perlu membuat sempadan baharu bagi tanah pertanian mereka. Aktiviti pengukuran tanah ini akhirnya telah melahirkan ilmu geometri di Mesir (Abdullah, 2010). Ini menunjukkan bahawa alam sekitar boleh mempengaruhi kehidupan manusia khususnya cuaca dan iklim.

Kehidupan manusia di atas muka bumi ini bukanlah menjadi matlamat sebenar kepada mereka menurut pandangan Islam. Bahkan ia hanya sebagai tempat untuk diuji dan melaksanakan tugas sebagai hamba yang akan disediakan pembalasan di akhirat nanti. Justeru itu, berbekalkan kitab wahyu dan ajaran Rasul sebagai pedoman dalam kehidupan mereka, hukum-hakam dan aturan hidup dapat ditentukan. Diantara fungsi penting wahyu yang diturunkan kepada manusia adalah menjelaskan tentang tanggungjawab hamba kepada Allah SWT berkaitan ibadah. Tanggungjawab melaksanakan ibadah kepada Allah SWT boleh difahami daripada firman Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

(Surah Al-Zaariat (51):56)

Terdapat pelbagai bentuk ibadah yang telah disyariatkan dalam Islam, sama ada melibatkan perbuatan tubuh badan atau perbelanjaan harta semata-mata dan ibadah yang menggabungkan antara perbuatan anggota badan dan perbelanjaan harta. Diantara ibadah-ibadah tersebut, ada yang dikaitkan dengan fenomena alam dan cuaca tertentu, seperti solat gerhana matahari dan bulan serta solat istisqa' (minta hujan) yang juga disunatkan berpuasa sebelum mengerjakannya. Begitu juga doa-doa tertentu yang diamalkan oleh Rasulullah SAW apabila turunnya hujan, banjir dan angin yang kuat. Disamping itu, ditetapkan rukhsah bagi pelaksanaan solat secara berjemaah apabila

berlakunya keadaan cuaca yang luar biasa oleh Rasulullah SAW. Namun begitu, ia tidaklah bermakna keadaan cuaca yang menyukarkan akan menyebabkan keringanan kepada setiap perintah agama, contohnya perintah berjihad dalam peperangan Tabuk walaupun ketika cuaca panas terik.

Melihat kepada pengaruh cuaca dan iklim dalam kehidupan manusia dan tanggungjawab mukalaf yang diperintahkan melaksanakan ibadah sebagaimana ia disyariatkan, adakah cuaca dan iklim boleh mempengaruhi hukum fiqah secara langsung khususnya dalam ibadah. Untuk menjawab persoalan ini, penelitian dilakukan terhadap perbahasan hukum-hukum ibadah oleh para fuqaha yang merangkumi bab bersuci, solat dan puasa. Selain itu, dibincangkan konsep hukum berdasarkan ilmu usul al-fiqh khususnya pembahagian dan sumber-sumbernya sebagai asas kefahaman tentang hukum fiqah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penetapan sesuatu hukum dan pelaksanaan sesuatu perintah juga bergantung kepada elemen luaran dan alami selain daripada sumber-sumber utama iaitu Al-Quran dan hadis. Selain itu, para fuqaha telah mengambil kira aspek cuaca dan iklim dalam perbahasan mereka khususnya berkaitan ibadah.

2. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang memberikan fokus kepada analisis dokumen. Pengumpulan data berkaitan cuaca dan iklim sama ada teori secara umum atau kajian-kajian lapangan yang khusus berkaitan implikasi cuaca dan iklim terhadap manusia dilakukan dengan merujuk kepada artikel jurnal, laman sesawang dan laporan akhbar. Selain itu, dijalankan carian maklumat tentang konsep hukum dan perbincangan isu-isu fiqah oleh para fuqaha daripada kitab-kitab fiqah tradisional atau moden yang muktabar juga daripada artikel jurnal. Seterusnya data yang diperolehi dianalisis bagi mengenalpasti kewujudan pengaruh cuaca dan iklim dalam hukum fiqah berkaitan ibadah.

3. Pengaruh Cuaca dan Iklim Terhadap Manusia

Cuaca bermaksud keadaan udara, cahaya matahari, angin, hujan dan sebagainya di sesuatu tempat pada ketika tertentu, manakala iklim adalah keadaan cuaca, hujan, suhu dan sebagainya yang biasa di sesuatu tempat (PRPM, DBP). Cuaca sesuatu tempat dijelaskan berdasarkan kepada beberapa komponen meteorologi iaitu suhu, arah angin dan kelajuannya, kadar dan jenis pemendakan dan tempoh sinaran matahari. Cuaca melibatkan tempoh masa yang pendek iaitu beberapa hari, sedangkan iklim melibatkan tempoh masa yang panjang sehingga puluhan tahun dan ia juga adalah purata keadaan cuaca pada sesuatu tempat (NOAA, 2021). Selain daripada komponen yang menjelaskan tentang cuaca, terdapat beberapa komponen tambahan dalam iklim, antaranya adalah radiasi, tekanan udara, kelembapan dan litupan awan (DOES, 2021). Hakikatnya, cuaca dan iklim mempunyai kaitan yang sangat rapat kerana iklim adalah himpunan data cuaca dalam tempoh masa yang panjang dan ia lebih kompleks berbanding cuaca.

Iklim dunia dibahagikan kepada beberapa jenis, iaitu tropika, kering dan gersang, sederhana, sejuk atau benua, sejuk yang melampau (polar) dan tanah tinggi. Perbezaan keadaan muka bumi dan cuaca mempengaruhi populasi manusia dan hidupan di sesuatu tempat. Perkara ini dapat diperhatikan seperti di kawasan Antartika yang

mempunyai populasi manusia yang sangat rendah kerana cuaca sejuk yang ekstrem dan kurangnya mendapat sinaran matahari. Manakala di kawasan tropika yang banyak menerima cahaya matahari sepanjang tahun, mempunyai iklim yang sederhana serta kadar kelembapan yang tinggi mempunyai pelbagai hidupan dan tumbuhan serta populasi manusia yang tinggi. Terdapat dua faktor penyumbang kepada pemilihan penempatan manusia di muka bumi, iaitu iklim yang sederhana dan sumber air. Kedua-duanya sangat penting terutamanya air kerana manusia yang hidup dalam populasi yang besar perlu untuk menyediakan sumber makanan dan minuman yang datang daripada air (UOM, 2012).

Kajian yang telah dijalankan juga menunjukkan bahawa cuaca boleh mempengaruhi sikap dan emosi manusia. Antaranya adalah cuaca panas menyumbang kepada keganasan atau perbuatan jenayah kerana suhu yang tinggi menyebabkan timbul rasa kurang selesa. Namun begitu, ia juga menyebabkan seseorang mempunyai rasa kepercayaan yang lebih tinggi terhadap orang disekelilingnya. Suhu yang tinggi juga menggalakkan manusia untuk terlibat dengan aktiviti perjudian dan meningkatkan sifat pemurah. Ada juga dapatan menunjukkan terdapatnya korelasi antara peningkatan suhu dengan penurunan kadar kelahiran. Manakala cuaca yang sejuk dan suhu yang rendah mendorong kepada percintaan, kesedihan, perlakuan membunuh diri. Ada yang berpandangan, pengaruh cuaca terhadap sikap manusia bukanlah berlaku secara langsung, tetapi kerana aktiviti manusia yang berbeza mengikut cuaca dan suhu yang memberikan kesan terhadap sikap seseorang. Seperti banyaknya aktiviti di luar rumah ketika cuaca panas mendorong kepada peningkatan perbuatan jenayah berbanding apabila cuaca sejuk aktiviti luar akan berkurangan. Apabila kurangnya aktiviti luar pada cuaca sejuk, maka kurangnya interaksi dengan individu lain yang boleh menyumbang kepada kemurungan dan bunuh diri (Wallace, 2016).

Dari segi kesihatan fizikal pula, cuaca yang melampau sama ada panas atau sejuk banyak memberi kesan kepada manusia. Kesan cuaca yang melampau bukan hanya menjejaskan kesihatan, bahkan ia boleh mengundang kematian seperti gelombang panas yang melanda Amerika Syarikat pada tahun 1980 telah menyebabkan kematian seramai 1327 orang. Keadaan iklim sekitar juga mengundang kepada kemerosotan kesihatan dan penyakit-penyakit tertentu diantaranya *bronchitis*, *eczema* dan *glaucoma* bagi persekitaran yang menerima iklim bermusim dan tidak kurang juga yang mengalami alergi tertentu disebabkan iklim tersebut (Laurence & Kathleen, 1987). Kajian lapangan yang dilakukan ke atas penduduk di Jepun yang bertujuan mengenalpasti kesan cuaca terhadap kesihatan manusia telah menemukan beberapa dapatan yang signifikan. Antaranya, suhu memberikan kesan yang lebih kuat terhadap kesihatan manusia berbanding tahap kelembapan. Selain itu, simptom penyakit bagi lelaki hanya dikaitkan dengan suhu yang tinggi manakala bagi wanita mendapat kesan daripada suhu yang lebih tinggi dan lebih rendah (Mihye Lee et al, 2018).

4. Konsep Hukum dalam Islam

Hukum merupakan topik utama perbincangan dalam ilmu fiqh dan usul al-fiqh. Namun begitu, hukum difahami secara berbeza oleh para ulama dari kedua-dua bidang ilmu ini. Menurut ulama usul al-fiqh ia adalah perintah Allah Taala yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf sama ada dalam bentuk *iqṭidā'* (tuntutan), *takhyīr* (pilihan) atau *wad'īy*

(ketentuan). Manakala ulama fiqh pula menjelaskan hukum sebagai sifat syarak yang merupakan kesan daripada perintah Allah Taala. Daripada perbezaan ini, kita boleh memahami bahawa setiap perintah syarak yang berkaitan dengan perlakuan mukalaf itu adalah hukum di sisi ulama usul, manakala kesan atau kefahaman daripada perintah syarak adalah hukum menurut ulama fiqh. Contohnya, firman Allah Taala dalam surah Al-Isra' ayat 32: "Jangan kamu dekati zina...". Ulama usul al-fiqh menganggap ayat ini adalah hukum, manakala bagi ulama fiqh hukum adalah larangan mendekati zina iaitu kefahaman daripada perintah Allah Taala yang merupakan dalil kepada hukum (Al-Zuhayli, 1986).

Hukum telah dibahagikan kepada dua kategori, iaitu hukum *taklifiy* dan hukum *waq'iyy* oleh ulama usul al-fiqh berdasarkan takrifan yang telah dinyatakan di atas. Hukum *taklifiy* merujuk kepada pembahagian hukum yang berkaitan dengan perintah, larangan dan pilihan ke atas mukalaf, manakala hukum *waq'iyy* merupakan penjelasan yang berkaitan dengan sebab, syarat dan penghalang kepada pelaksanaan hukum *taklifiy* (Zaidan, 1996). Juga termasuk dalam perbincangan hukum *waq'iyy* adalah sah dan batal serta rukhsah dan azimah. Walaupun kedua-dua hukum ini mempunyai fungsi yang berbeza, tetapi keduanya mempunyai perkaitan yang rapat terutamanya membantu mukalaf melaksanakan perintah yang terkandung dalam perintah syarak (Nyazee, 2018).

Sumber-sumber hukum juga memainkan peranan penting dalam penentuan sesuatu hukum. Ia dibahagikan kepada sumber primer iaitu Al-Quran dan hadis, dan sumber sekunder seperti ijmak, kias, istihsan, maslahah dan lain-lain. Diantara sumber yang penting dan diberikan perhatian oleh para fuqaha dalam menentukan hukum adalah maslahah manusia. Ini kerana maslahah merupakan sebahagian daripada asas objektif syarak iaitu memperolehi kebaikan (maslahah) dan menghindari kerosakan (mafsadah). Ia dibahagikan kepada tiga komponen; *al-maslahat al-mu'tabarat* (yang diraikan), *al-maslahat al-mulghat* (yang diabaikan) dan *al-maslahat al-mursalat* (yang mutlak). Maslahah yang diraikan seperti pemeliharaan nyawa manusia dengan disyariatkan hukum qisas ke atas pembunuh. Contoh maslahah yang diabaikan pula adalah menyamakan kadar penerimaan pusaka diantara anak lelaki dan perempuan. Manakala maslahah yang mutlak adalah kebaikan yang tidak diraikan atau diabaikan oleh syarak dan ia bergantung kepada keperluan semasa manusia seperti pembukuan Al-Quran (Khallaf, 1942).

5. Contoh Permasalahan Fiqah dalam Ibadah

Terdapat beberapa contoh dalam perbincangan fiqh ibadah yang menunjukkan terdapatnya pengaruh cuaca atau iklim terhadap hukum fiqh atau syarat terhadap sesuatu hukum. Antaranya adalah berkaitan ciri-ciri air musyammas, rukhsah meninggal solat berjemaah dan penentuan permulaan Ramadan dan Syawal.

5.1 Penggunaan Air Musyammas

Mazhab Syafii berpandangan penggunaan air *musyammas* pada anggota badan seperti makan dan minum serta bersuci daripadanya adalah makruh. Air *musyammas* merujuk kepada air yang terkena sinaran matahari dan menyebabkan ia menjadi panas (Al-Khatib Al-Syirbini, 2006). Para ulama telah memperincikan ciri-ciri air *musyammas* yang makruh digunakan seperti berikut:

- i. Terkena kepanasan cahaya matahari.
- ii. Digunakan ketika suhunya masih panas.
- iii. Digunakan kepada manusia yang masih hidup.
- iv. Air yang berada di dalam bekas logam kecuali bekas emas dan perak.
- v. Penggunaan ketika cuaca panas.
- vi. Penggunaan pada anggota badan.
- vii. Air yang berada di negara yang beriklim panas.
- viii. Terdapat sumber air alternatif.
- ix. Tiada kebimbangan akan menyebabkan kesakitan, kerana hukumnya menjadi haram jika sebaliknya.

Namun begitu, Al-Nawawi berpandangan hukum penggunaan air musyammas adalah tidak makruh kerana dalil yang menjadi sandaran terhadap hukumnya adalah lemah (Al-Kaf, 2003). Pandangan Imam Syafii yang melarang penggunaan air musyammas adalah berdasarkan aspek perubatan dan kesihatan. Namun begitu, kesan mudaratnya tidak dapat dipastikan kerana mengikut sebahagian ahli perubatan ia tidak memudaratkan (Ibnu Qudamah, 1968).

5.2 Rukhsah meninggal solat berjemaah

Hukum mendirikan solat fardu berjemaah mengikut pandangan empat mazhab terbahagi kepada 3, iaitu:

- i. Sunat *muakkad* ke atas lelaki dewasa yang mampu mengikut ulama Hanafiyyah dan Malikiyyah.
- ii. Fardu kifayah ke atas lelaki yang bermukim menurut mazhab Syafii. Jika tidak dilaksanakan maka semua berdosa dan jika enggan didirikan solat berjemaah di tempat tertentu penduduknya perlu diperangi oleh pemerintah. Mazhab Syafii juga menghukumkan solat jemaah adalah sunat muakkad secara umumnya.
- iii. Fardu ain ke atas lelaki untuk mendirikan solat jemaah pada setiap waktu menurut mazhab Hanbali (Al-Zuhaily, 2009).

Walaupun solat jemaah adalah sunat muakkad menurut mazhab Syafii secara umumnya, namun mereka berpandangan ia tidak harus ditinggalkan melainkan kerana keuzuran sama ada umum atau khusus. Keuzuran khusus adalah keadaan sukar ke atas individu seperti sakit dan urusan tertentu yang tidak dapat dielakkan. Manakala keuzuran umum adalah kepayahan yang menimpa ke atas ramai orang disebabkan kejadian tertentu seperti turunnya hujan dan salji serta angin yang kencang di malam hari. Perkara ini pernah berlaku di zaman Rasulullah SAW ketika malam yang sejuk dan turunnya hujan, baginda mengarahkan muazin melaungkan "solatlah kamu semua di rumah kamu" (Al-Khatib Al-Syirbini, 2006).

5.3 Penentuan awal bulan Ramadan dan Syawal

Penentuan 1 Ramadan dengan melihat anak bulan adalah berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وسلم قال:
صوموا لرؤيته وأفطروا لرؤيته؛ فإن غم عليكم فأكملوا العدة.

Daripada Abu Hurairah RA: Sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda
"Berpuasalah apabila melihat anak bulan dan berbukalah (sambut hari
raya) apabila melihatnya, jika langit berawan, maka sempurnakanlah
jumlah hari (30 hari)".

Muslim, no 2379

Baginda SAW memberikan panduan kepada umat Islam dalam menentukan bermulanya kewajipan berpuasa Ramdan dan menyambut hari raya adalah dengan mencerap anak bulan pada petang hari 29 hari bulan. Jika anak bulan kelihatan maka keesokan harinya adalah 1 Ramadan atau 1 Syawal dan usaha mencerap anak bulan bukan suatu yang mudah kerana kenampakan anak bulan dipengaruhi oleh beberapa faktor iaitu "kedudukan anak bulan, pembiasan cahaya matahari, kecerahan langit dan kadar pemupusan atmosfera" (Wahid, Khairussaadah et al, 2019).

Namun begitu, jika anak bulan tidak kelihatan seperti disebabkan keadaan langit yang berawan dan menghalang penglihatan orang yang mencerap, maka bulan Syaaban atau Ramadan perlu dilengkapkan 30 hari (Al-Nawawi, 2001). Dalam permasalahan ini, Imam Ahmad memberikan pandangan yang bertentangan dengan pandangan yang dipilih oleh kebanyakan para ulama ini. Menurut beliau, jika berlaku keadaan anak bulan tidak kelihatan disebabkan cuaca, masyarakat wajib mengikut pilihan pemerintah atau kebanyakan manusia pada ketika itu sama ada perlu berpuasa atau tidak. Pandangan yang juga terkenal dikalangan para sahabat ini dipilih sebagai satu langkah berjaga-jaga sekiranya 1 Ramadan telah bermula. Sebagaimana kata-kata Aisyah R. ah "Aku lebih gemar berpuasa satu hari pada bulan Sya'ban daripada berbuka satu hari pada bulan Ramadan". (Ibnu Qudamah, 1968)

6. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Cuaca bukanlah hanya merujuk kepada situasi hujan, panas atau ribut tetapi ia meliputi beberapa aspek lain seperti suhu, cahaya matahari dan arah angin. Komponen penilaian cuaca dan iklim adalah hampir sama, cuma iklim adalah rangkuman daripada dapatan data cuaca yang diambil selama puluhan tahun. Oleh itu, kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan daripada cuaca dan iklim sama sekali yang menghasilkan satu bentuk interaksi antara manusia dan alam. Perkara ini telah dibuktikan berdasar kepada tindak balas manusia dalam memilih kawasan penempatan mereka. Populasi manusia yang tinggi boleh dikesan di kawasan-kawasan yang mempunyai cuaca dan iklim yang sederhana dan sesuai untuk kehidupan yang selamat. Kawasan yang mudah didapati sumber makanan dan air bersih kerana mendapat taburan hujan yang tinggi dan cahaya matahari sepanjang tahun juga menjadi ciri utama pemilihan kawasan penempatan. Selain itu, cuaca dan iklim juga telah menyebabkan implikasi kesihatan terhadap manusia sama ada ia secara melampau sehingga menyebabkan kematian atau kesan sederhana dan minima seperti penyakit-penyakit tertentu. Bukan hanya kesihatan fizikal manusia yang terjejas dengan keadaan cuaca dan iklim tertentu, bahkan ia boleh memberikan kesan kepada emosi dan sikap manusia secara tidak langsung.

Konsep hukum dalam Islam dibincangkan dalam ilmu usul al-fiqh oleh para ulama. Bahkan ia merupakan topik utama perbincangan di dalamnya dan setiap perbahasan dalam usul al-fiqh adalah berkaitan dengan mengetahui hukum. Perbahasan hukum telah dibahagikan kepada dua cabang utama iaitu hukum *taklifiy* dan hukum *waq'iy* oleh ulama usul. Penjelasan mereka berkenaan hukum *waq'iy* menunjukkan bahawa faktor luaran yang bersifat alami boleh mempengaruhi sesuatu penetapan hukum iaitu sebab, syarat dan penghalang kepada sesuatu perintah yang telah ditetapkan. Disamping itu, pemeliharaan kepentingan manusia atau masalah berkaitan dengan penjagaan keselamatan, kesihatan dan aspek-aspek lain boleh dijadikan alasan dalam penentuan sesuatu hukum. Penerimaan aspek masalah ini telah ditunjukkan dalam satu hadis Nabi SAW yang memberikan keuzuran kepada para sahabat daripada melaksanakan solat berjemaah di masjid akibat keadaan cuaca yang luar biasa.

Perbincangan para fuqaha dalam permasalahan fiqah tertentu menunjukkan bahawa mereka tidak mengabaikan aspek cuaca dan iklim dalam menentukan sesuatu hukum yang berkaitan walaupun ia tidak disepakati oleh keseluruhan ulama. Terdapat beberapa contoh yang boleh dijadikan bukti bahawa cuaca dan iklim telah memberikan kesan langsung kepada hukum khususnya berkaitan ibadah memandangkan ia sebahagian daripada aktiviti kehidupan umat Islam. Antaranya adalah penggunaan air *musyammas* pada anggota badan dihukumkan sebagai makruh oleh sebahagian ulama Syafii. Mereka yang mengambil pandangan ini mensyaratkan air *musyammas* tersebut adalah air yang terdedah kepada cahaya matahari di negara beriklim panas. Begitu juga diharuskan meninggalkan solat berjemaah di masjid disebabkan terjadinya cuaca yang luar biasa serta penetapan 30 hari bagi bulan Syaaban dan Ramadan apabila anak bulan tidak kelihatan disebabkan terhalang pandangan oleh cuaca yang tidak mengizinkan. Kepentingan mengambil kira aspek cuaca dan iklim dalam berijtihad atau berfatwa adalah untuk menjaga kemaslahatan atau kepentingan manusia sama ada penjagaan nyawa atau kesihatan. Perkara ini bertepatan dengan objektif Syariah yang menjadi salah satu asas dalam penentuan hukum.

7. Kesimpulan

Syariat Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW merupakan satu aturan yang sesuai untuk semua manusia tanpa mengira cuaca dan iklim yang dihadapi. Ia tidak menjadikan sesuatu perintah agama dilaksanakan dalam keadaan manusia tidak mampu untuk melaksanakannya atau memudaratkan mereka sama ada di dunia atau akhirat. Bahkan syariat yang diturunkan meraihan masalah manusia sama ada untuk mendapatkan kebaikan atau mengelak dari kecelakaan dan kemusnahan. Daripada prinsip inilah, para fuqaha mengadaptasikannya dalam permasalahan fiqah yang dibincangkan oleh mereka.

Rujukan

Abdullah, A. R. (2010). *Wacana Falsafah Sains; Sejarah Dan Pemikiran*. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).

Al-Kaf, H. B. (2003). *Al-Taqrirat Al-Sadidah Fi Al-Masail Al-Mufidah*. Tareem: Dar Al-Murath Al-Nabawi.

- Al-Khatib Al-Syirbini, M. B. (2006). *Mughni Al-Muhtaj*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Al-Nawawi, Y. B. (2001). *Sahih Muslim Dengan Syarah Al-Nawawi*. Kaherah: Al-Maktab Al-Thaqafi Li Al-Nasyr Wa Al-Tauzi'.
- Al-Zuhaily, W. (2009). *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1986). *Usul Al-Fiqh Al-Islami*. Damsyiq: Dar Al-Fikr.
- Berita Harian, O. (23 Januari, 2020). *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/649263/lebih-100-artifak-dianggap-berusia-17000-ditemui-di-baling>
- DOES, D. O. (24 3, 2021). *Freie Universitat Berlin*. Retrieved from https://www.geo.fu-berlin.de/en/v/iwm-network/learning_content/environmental-background/basics_climategeography/definitions/index.html
- Ibnu Qudamah, A. B. (1968). *Al-Mughni Li Ibni Qudamah*. Kaherah: Maktabah Al-Qaherah.
- Khairussaadah Wahid, Muhammad Saiful Anwar Mohd Nawawi, Saadan Man, Nazhatulshima Ahmad. (2019). Teknik Cerapan Anak Bulan: Satu Penelitian Literatur. *Umrans International Of Islamic and Civilization Studies*, 47-55.
- Khallaf, A. W. (1942). *Ilm Usul Al-Fiqh*. Kaherah: Maktabah Al-Dakwah Al-Islamiyyah.
- Laurence S. Kalkstein & Kathleen M. Valimont. (1987). *Climate Effects On Human Health*. Retrieved from Centre For International Earth Science Information Network: <http://www.ciesin.org/docs/001-338/001-338.html>
- Mihye Lee, Sachiko Ohde, Kevin Y. Urayama, Osamu Takahashi & Tsuguya Fukui. (2018). Weather And Health Symptoms. *International Journal of Enviromental Research And Public Health*.
- NOAA, N. O. (26 2, 2021). *National Ocean Service*. Retrieved from https://www.geo.fu-berlin.de/en/v/iwm-network/learning_content/environmental-background/basics_climategeography/definitions/index.html
- Nyazee, I. A. (2018). *Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: The Other Press Sdn. Bhd.
- UOM, U. o. (2012). *World Regional Geography: People, Places, and Globilization*. Minnepolis, Amerika Syarikat: M Libraries Publishing.
- Wallace, I. (26 April, 2016). *Infographic Journal*. Retrieved from <https://infographicjournal.com/the-strange-effects-of-weather-on-human-behavior/>
- Zaidan, A. K. (1996). *Al-Wajiz Fi Usul Al-Fiqh*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.